

19/10/2001

Belanjawan tumpu pertumbuhan domestik

Azizi Othman

KUALA LUMPUR, Khamis - Belanjawan 2002 esok, yang dibentangkan ketika suasana antarabangsa tidak menentu, dijangka menjurus kepada usaha merangsang kegiatan ekonomi dalam negara.

Belanjawan yang akan dibentangkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad itu kemungkinan mengandungi beberapa lagi suntikan bagi merencanakan aktiviti ekonomi menerusi usaha meningkatkan sentimen dan keyakinan berbelanja di kalangan rakyat dan sektor swasta, serta menggalakkan pelaburan.

Penganalisis dan pakar ekonomi berkata, kerajaan dijangka menjadikan sektor domestik sebagai penjana pertumbuhan ekonomi negara, dengan sasaran mendapatkan kadar pertumbuhan lebih besar tahun depan.

Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia yang mencatat pertumbuhan 3.1 peratus pada suku pertama tahun ini, merosot kepada 0.5 peratus pada suku kedua, paras paling rendahnya sejak ekonomi pulih daripada krisis 1997-98.

Timbalan Pengarah Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (Mier), Dr Mohd Hanafiah Piew, berkata sokongan orang ramai dan swasta akan menjadi tonggak menentukan kejayaan Belanjawan 2002 menjana semula pertumbuhan.

Katanya, walaupun usaha itu mungkin bermakna kerajaan meneruskan belanjawan defisit empat tahun berturut-turut, ia adalah perlu bagi menjana semula kenaikan KDNK.

"Defisit belanjawan, ditakrifkan sebagai peruntukan perbelanjaan melebihi kutipan hasil, tidak mendatangkan masalah asalkan ia berada pada paras yang mampu dibendung ekonomi," katanya ketika dihubungi.

Mohd Hanafiah berkata, kadar defisit antara lima atau enam peratus daripada KDNK, biasanya mampu diuruskan, malah Malaysia pernah mencatat defisit sehingga 10 peratus pada 1993-94.

Pengarah Penarafan Standard & Poor's (S&P) di Singapura, JK Ogawa pula berkata, Belanjawan 2002 sudah pasti akan memberi penekanan kepada usaha merangsang sektor domestik Malaysia.

"Ini perlu bagi memastikan ekonomi Malaysia bukan saja mampu bertahan, malah mampu berkembang serta mencatat paras lebih tinggi di tengah ketidakpastian ekonomi sejagat," katanya.

Mengenai belanjawan yang dijangka menunjukkan defisit, beliau berkata perkara itu tidak akan mendatangkan masalah kepada Malaysia kerana ia tidak mempunyai hutang luar yang besar.

"Yang lebih penting ialah langkah fiskal sokongan yang perlu diambil untuk membantu semua pihak memahami aspirasi belanjawan itu hingga rakyat terus berbelanja dan swasta terus melabur," katanya.

Beliau berkata, kerana perbelanjaan pengguna di Malaysia mewakili 45 peratus daripada KDNK, sebarang usaha menggalakkan pendapatan boleh guna di kalangan rakyat, memberi kesan gandaan yang besar.

Pensyarah Ekonomi Universiti Malaya (UM), Dr Tan Eu Chye, pula berkata Belanjawan 2002 dijangka mempunyai strategi sejajar dengan aliran pendekatan di negara lain dalam menangani ketidakpastian ekonomi semasa.

"Bezanya, kita mempunyai asas ekonomi yang baik. Dengan cara menggembeng kerjasama rakyat dan sektor swasta, negara mampu mencatat pertumbuhan ekonomi tahun depan," katanya.

Tan berkata, sesuatu yang penting mengenai belanjawan kali ini ialah rakyat perlu sedar tujuan utamanya ialah menepis pelbagai permasalahan yang mungkin berlaku kesan kelembapan permintaan antarabangsa.

"Strategi teras belanjawan kali ini ialah mengekang tekanan kemelesetan antarabangsa yang boleh memberi kesan kepada ekonomi negara. Pada masa sama, ia perlu merangsang pertumbuhan yang tinggi," katanya.

Mengulas pemberian bonus kepada kakitangan kerajaan, beliau berkata rakyat perlu bersedia dengan kemungkinan ia tidak dibuat dalam belanjawan kali ini, atau jika diberi sekalipun, ia mungkin lebih rendah daripada tahun lalu.

Ini kerana langkah meningkatkan pendapatan untuk merangsang perbelajaaan tidak terhad kepada pemberian bonus saja, tetapi boleh dilakukan menerusi potongan caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

Sementara itu, penganalisis kanan di bank pelaburan antarabangsa di sini berpendapat, Belanjawan 2002 akan membabitkan penurunan beberapa cukai dan barangan import `besar`.

(END)